



Datuk Wan Ramlah Mahu Rakyat Sedar Kepentingan Banci

BERTEMU dengan wanita yang menduduki hierarki tertinggi dalam Jabatan Perangkaan ini sesuatu yang mengujakan. Memegang dua jawatan penting sebagai Ketua Perangkawan merangkap Pesuruhjaya Banci menjadikan Datuk Wan Ramlah Wan Abdul Raof seorang wanita yang cukup berdedikasi.

Biarpun lebih tiga dekad berkhidmat dan muncurahkan bakti di jabatan ini, beliau bagaimanapun mengakui tidak pernah bosan sebaliknya sentiasa bersemangat menjalankan tugasnya. Tambahan pula, kini beliau dan pihaknya sedang bertungkus-lumus menyediakan laporan penuh data awal Banci Penduduk dan Perumahan 2010 yang bakal diumumkan pada awal November ini.

"Saya dan pihak saya kini sedang sibuk menyediakan laporan data awal hasil bancian yang dilakukan pada 6 Julai hingga 22 Ogos lalu. Insya-Allah, data keseluruhan banci tersebut akan dikeluarkan sekitar bulan Mac atau April

tahun depan.

"Saya yakin, pasti ramai yang ternantnant untuk mengetahui maklumat mengenai hasil data daripada proses bancian yang dilakukan. Bukan hanya pihak kerajaan, ramai penyelidik, pakar ekonomi, ahli demografi, komuniti perniagaan, ahli akademik dan pengguna lain juga sedang menunggu data penanda aras penduduk yang baru ini."

"Bagi mendapatkan data keseluruhan, kita sememangnya memerlukan sedikit masa. Ini kerana banyak laporan dan

analisis yang akan dikeluarkan perlu disemak terlebih dahulu. Malah, semakan yang dilakukan ini juga adalah prosedur biasa kerana kita mengikut standard antarabangsa."

"Walaupun Hari Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia yang kelima ini telah berakhir, namun saya mengharapkan agar lebih ramai rakyat akan lebih peka dan sedar kepada pentingnya banci terhadap masa depan kelak. Data bancian itu penting untuk kerajaan menggubal dasar yang relevan dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020 nanti."

"Seperti yang kita sedia maklum, banci diadakan 10 tahun sekali. Menyentuh mengenai proses banci, mungkin ramai yang kurang menyedari atau mengambil mudah dalam usaha memberikan kerjasama apabila ditemui oleh pembanci. Ini berlaku mungkin disebabkan wujudnya perasaan kurang percaya untuk memberikan maklumat atau bimbang menjadi mangsa penipuan."

"Namun begitu, anda tidak perlu bimbang kerana maklumat yang diberikan adalah sulit dan dilindungi di bawah Akta Banci 1960. Berdasarkan akta ini, maklumat yang diperoleh tidak boleh didedahkan kepada orang lain. Sekiranya berlaku, pembanci tersebut boleh dikenakan tindakan denda RM2,000 atau penjara setahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan," ujar beliau yang menyatakan seramai 26,000 pembanci dengan 3,000 penyelia terlibat dalam proses banci yang membabitkan sembilan juta kediaman dan 29 juta penduduk dengan kos mencerek RM 200 juta pada Hari Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 yang lalu.

FAEDAH BANCI UNTUK KEHIDUPAN MASA DEPAN

Berbicara lanjut mengenai faedah



banci, Datuk Wan Ramlah menyatakan faedah atau kelebihan daripada maklumat yang diberikan rakyat pada hari banci berlangsung sememangnya tidak akan dilihat dalam jangka waktu yang terdekat.

"Saya akui, rakyat tidak mungkin dapat melihat kelebihan banci secara langsung atau dalam waktu terdekat ini. Bagaimanapun, percayalah faedahnya akan dapat anda nikmati pada masa depan. Sekiranya kita sendiri tidak berpeluang menikmati faedah tersebut,



Bersama sebahagian kakitangan di jabatannya.



Seriush dan tegas sewaktu bekerja.

setidak-tidaknya ia bermanfaat untuk generasi akan datang.

"Sama ada sedar atau tidak, banyak kemudahan yang kita nikmati kini adalah hasil maklumat banci yang terdahulu. Tanpa maklumat tersebut, tidak mungkin pihak kerajaan dapat merangka perancangan untuk penduduk dengan baik dan teratur. Sebagai contoh, perancangan infrastruktur dan kemudahan seperti sekolah, klinik, balai polis, masjid dan pelbagai kemudahan lain di sesebuah penempatan.

"Untuk Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 ini, maklumat yang diperoleh nanti penting untuk membantu menjayakan pelaksanaan Rancangan Malaysia (RMK-10) terutama bagi memastikan keadilan sosial termasuk pengagihankekayaan negara. Selain itu, data daripada proses bancian ini juga akan membolehkan kerajaan melaksanakan dasar penting bagi meningkatkan kualiti hidup dan keselesaan rakyat.

"Oleh itu, antara sasaran banci kali ini adalah untuk mengenal pasti golongan dalam kategori 40 peratus pendapatan terendah, mengenali sumber pendapatan mereka dan mencari mekanisme terbaik untuk membantu meningkatkan taraf hidup

kumpulan ini. Melalui data yang dikumpulkan ini juga, kerajaan akan menjalankan pelbagai program latihan dengan objektif utama untuk meningkatkan keupayaan



Sentiasa berfikiran positif dan maju ke depan.

dan membina kebolehan dan kemahiran mereka.

"Apa yang pasti, kerajaan akan berusaha sebaik mungkin untuk meningkatkan kemahiran golongan ini dalam apa jua cara. Ini termasuklah memberi masa dan bantuan kewangan kepada mereka dalam usaha meningkatkan taraf hidup masing-masing," tutur beliau yang menyatakan perancangan mengadakan hari banci memerlukan masa yang lama. Untuk hari banci 2010 yang lalu, perancangannya telah dilakukan

seawal tahun 2006 lagi dan berakhir pada bulan Februari tahun ini.

INGIN MEMARTABATKAN JABATAN PERANGKAAN

Pengalaman yang cukup lama di dalam jabatan ini telah banyak membuka mata pemegang ijazah dalam bidang Geografi dari Universiti Sains Malaysia (USM) ini untuk menanam visi yang lebih jauh untuk meningkatkan mutu bidang kerjayanya. Justeru, demi merealisasikan matlamat tersebut, beliau tidak hanya berdiam diri sebaliknya sentiasa berusaha dan bekerja keras ke arah itu.

"Visi saya adalah untuk terus memperbaiki mutu kerja jabatan hingga mencapai standard Jabatan Statistik Antarabangsa seperti negara membangun Australia dan New Zealand. Tambahan pula, jabatan saya ini mempunyai tanggungjawab yang besar terutama dalam soal penyediaan asas dalam usaha memantau prestasi ekonomi dan pembangunan sosial negara.

"Sebagai agensi utama dalam bidang perangkaan, fungsi kami adalah mengumpul dan mentafsir perangkaan bagi tujuan pembentukan dan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dalam apa juga bidang yang diperlukan oleh kerajaan. Ia bagi memenuhi keperluan-keperluan perdagangan, perniagaan, pertanian atau lain-lain.

"Selain itu, kami juga turut menyebarkan perangkaan yang dikumpul atau tafsiran yang dibuat atas perangkaan yang dikumpulkan itu. Ia bukan hanya terhad kepada agensi kerajaan semata-mata, tetapi juga kepada pihak-pihak berkuasa atau pihak yang memerlukan



Wan Ramlah mahu mutu kerja jabatan perangkaan mencapai standard Jabatan Statistik Antarabangsa.

maklumat tersebut," kata beliau yang mengakui turut 'turun padang' bagi mengikuti misi binci peringkat pertubuhan bagi syarikat-syarikat atau pertubuhan yang telah didaftarkan.

UTAMAKAN KELUARGA

Beralih bicara mengenai keluarga, Datuk Wan Ramlah mengakui bukan mudah bagi seorang ibu dan isteri berkerjaya sepertinya membahagikan masa antara kerjaya dan rumah tangga secara saksama. Bagaimanapun, ia tidak mustahil dan berjaya dibuktikan oleh Datuk Wan Ramlah.

Justeru, sesibuk mana pun ibu kepada dua orang anak ini, beliau akan memastikan keluarga menjadi keutamaan. Untuk itu, beliau sedaya upaya cuba membahagikan masanya dengan bijak lebih-lebih lagi beliau juga tidak mempunyai pembantu rumah.

"Sejak dulu saya memang tidak mempunyai pembantu rumah. Segala tugas rumah tangga seperti memasak, mengemas, membasuh dan sebagainya saya lakukan sendiri. Tidak dinafikan,

ada waktunya saya terkejar-kejar, bagaimanapun alhamdulillah, suami dan anak-anak rajin membantu.

"Setiap hari saya akan bangun seawal pukul 5.30 untuk menyediakan sarapan untuk suami dan anak-anak serta melakukan kerja rumah. Kini walaupun anak-anak sudah besar dan tidak lagi tinggal bersama, namun disebabkan sudah terbiasa, saya akan tetap bangun awal juga.

"Pada saya bangun pagi banyak manfaatnya. Sedar diri tidak punya masa yang banyak untuk bersenam, setiap pagi saya akan pasti akan meluangkan sedikit waktu untuk melakukan senaman ringan. Setidak-tidaknya dapat juga saya mengeluarkan peluh.

"Begini juga dengan makan malam. Pulang dari tempat kerja, saya akan memasak untuk makan malam kami sekeluarga. Cukup dengan hidangan ringkas kerana yang penting makanan tersebut enak dan berkhasiat. Mujurlah suami dan anak-anak juga tidak cerewet soal makan.

GEMAR BERCUCUK TANAM

Mengenai aktiviti masa lapang, saya gemar bercucuk tanam. Bukan saya sahaja yang sukakan aktiviti tersebut tetapi suami juga mempunyai minat yang sama. Rasa seronok sangat melihat pokok yang ditanam subur menghijau. Secara tidak langsung ia memberi terapi kepada saya setelah sehari bekerja.


"Lebih menarik, saya juga tidak perlu bersusah payah ke pasar membeli bahan masakan seperti daun pandan, serai, kunyit dan sebagainya kerana ia sudah tersedia di belakang rumah," jelas beliau yang juga gemar mengait, menjahit pakaian, membaca dan melancong di waktu lapang.

Menyentuh mengenai kaedah yang

diguna pakai dalam mendidik anak-anak, Datuk Wan Ramlah menyatakan beliau dan suami memberi kebebasan kepada anak-anaknya menentukan jalan hidup pilihan mereka.

"Saya beri kebebasan kepada anak-anak untuk memilih apa yang mereka suka dalam hidup. Bagaimanapun, saya sentiasa mengingatkan mereka supaya tidak lari daripada landasan hidup sebagai orang Muslim sejati.

"Alhamdulillah, anak-anak nampaknya sudah menemui hala tuju mereka. Anak sulung saya kini bertugas di Jabatan Kastam manakala adiknya masih menuntut di salah sebuah institut pengajian tinggi awam dalam bidang muzik," akhiri Datuk Wan Ramlah yang sentiasa mengingatkan anak-anak supaya jangan sekali-kali meninggalkan solat. □



Sewaktu mengerjakan umrah di tanah suci Mekah.



Di samping suami, anak-anak dan menantu.



Bersama wakil-wakil dari negara Asia di salah satu persidangan yang telah berlangsung.

